



Islam tidak larang bergembira selagi patuh syariat – Exco Dakwah

Buletin

بوليتين دارالنعميم

MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | REJAB 1447H | 04-08 JAN 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Pembangunan modal insan perkhidmatan awam berteraskan kompetensi, teknologi dan nilai Islam

Kelantan komited tingkatan kesedaran saringan awal kanser wanita

TMM2026: Kelantan-Sabah Tourism Board jalin langkah strategik pelancongan dua hala

Dua tahun PMBI: Hampir 80 peratus pelan tindakan kerajaan negeri berjaya digerakkan - MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 8 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan mencatat pencapaian memberangsangkan apabila hampir 80 peratus daripada keseluruhan pelan tindakan yang dirangka di bawah Hala Tuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024–2028 berjaya digerakkan dalam tempoh dua tahun pentadbiran semasa melalui strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, sebanyak 770 pelan tindakan dan 87 program mercu telah dirancang berpaksikan PMBI 2023–2033 yang menjadi kompas hala tuju pembangunan negeri.

“Dalam tempoh dua tahun pentadbiran, hampir 80 peratus daripada keseluruhan pelan tindakan ini telah digerakkan. Ini satu pencapaian yang wajar kita syukuri bersama,” katanya ketika menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2026 kepada Penjawat Awam Negeri Kelantan di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Pentadbiran Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, tahun 2026 disifatkan sebagai tahun penentuan

yang menuntut perubahan fokus daripada sekadar perancangan kepada hasil yang benar-benar dirasakan rakyat.

“Ukuran kejayaan kita bukan lagi pada jumlah perancangan, tetapi pada kesan langsung kepada kehidupan rakyat. Kita mesti beralih daripada retorik di atas kertas kepada realiti yang dirasakan rakyat. Inilah tuntutan amanah yang menjadi ukuran keberhasilan pentadbiran,” tegasnya.

Dalam amanat tersebut, beliau turut menekankan prinsip nilai untuk wang sebagai teras pengurusan kewangan kerajaan negeri, dengan menegaskan setiap perbelanjaan mestilah munasabah serta sepadan dengan impak yang dihasilkan.

Tambahnya, kerajaan negeri



tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk ketirisan atau salah guna peruntukan, justeru pemantauan berterusan terhadap kemajuan projek dan prestasi perbelanjaan perlu dilaksanakan secara sistematik.

“Ketua-ketua Jabatan hendaklah memastikan laporan kemajuan dikemukakan secara berkala dan tindakan pembetulan diambil segera sekiranya berlaku kelewatan atau isu pelaksanaan. Akauntabiliti terhadap kejayaan atau kegagalan projek adalah tanggungjawab kepimpinan jabatan masing-masing,” ujarnya.

Beliau turut mengingatkan bahawa usaha membangunkan Kelantan sebagai sebuah negeri yang makmur mestilah berteraskan

“

Ukuran kejayaan kita bukan lagi pada jumlah perancangan, tetapi pada kesan langsung kepada kehidupan rakyat. Kita mesti beralih daripada retorik di atas kertas kepada realiti yang dirasakan rakyat. Inilah tuntutan amanah yang menjadi ukuran keberhasilan pentadbiran,”

prinsip tadbir urus Islam yang berpaksikan Maqasid Syariah, mengamalkan penegakan keadilan, penjagaan amanah, pengamalan syura, pelaksanaan syariat serta pemeliharaan kesejahteraan rakyat.

Sehubungan itu, beliau menyeru seluruh penjawat awam agar melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang dipikul dengan penuh keikhlasan dan ihsan.

“Setiap apa yang dilakukan, walaupun kecil, tetap bernilai di dalam mizan Allah SWT. Setiap fail yang diproses dengan amanah, setiap aduan rakyat yang diselesaikan dengan ihsan, dan setiap keputusan yang dibuat dengan adil, semuanya direkodkan sebagai amal soleh yang akan dibalas dengan sebaik-baik ganjaran,” ujarnya.



Pembangunan modal insan perkhidmatan awam berteraskan **kompetensi, teknologi dan nilai Islam**

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 8 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkasa pembangunan modal insan perkhidmatan awam secara bersepadu dengan menekankan kompetensi, kepimpinan, penguasaan teknologi serta penghayatan nilai, selari dengan falsafah pembangunan negeri yang mengutamakan keupayaan insan, keutuhan akhlak dan kesiapsiagaan menghadapi cabaran masa hadapan.

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal berkata, usaha berterusan itu digerakkan berpandukan Pelan Operasi Latihan (POL) 2025–2030 yang menjadi dokumen rujukan utama bagi memastikan pelaksanaan latihan penjawat awam dilaksanakan secara tersusun, sistematik dan berfokus.

Menurutnya, dalam usaha memperkukuh barisan kepimpinan perkhidmatan awam negeri, sebanyak 15 pegawai tadbir negeri telah diamanahkan mengikuti program pengajian bagi meningkatkan kompetensi dan kesiapsiagaan dalam mendepani cabaran organisasi yang semakin kompleks dan dinamik.

“Program Master of Professional Management hasil kerjasama strategik dengan Universiti Sains Malaysia (USM) telah berjaya



dilaksanakan, menyaksikan kesemua pegawai berkenaan dianugerahkan Ijazah Sarjana pada Majlis Istiadat Konvokesyen USM Ke-69 pada 1 Disember 2025,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Khas Tahun Baharu 2026 dan Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Kelantan di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Tambahnya, kerajaan negeri kekal komited memperkasakan pembangunan nilai dan profesionalisme dalam perkhidmatan awam berteraskan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang diperkukuh melalui pendekatan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

“Pelaksanaan Program Ubudiyah, Mas’uliyah dan Itqan (UMI) akan diteruskan sebagai teras pembudayaan kerja berintegriti, di samping membuka peluang kepada penjawat awam menyambung

pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan melalui pelbagai inisiatif, termasuk pelaksanaan APEL.Q yang mengiktiraf pembelajaran berasaskan pengalaman,” katanya.

Dalam aspek pendigitalan, beliau memaklumkan kerajaan negeri turut memberi penekanan serius terhadap penguasaan teknologi, termasuk kemahiran kecerdasan buatan (AI), bagi meningkatkan kecakapan, ketelusan dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

“Melalui pendekatan data-driven governance, pembudayaan latihan AI serta pembangunan dua inisiatif utama secara berfasa iaitu Kelantan Smart AI Assistance dan Kelantan Integrated Smart Data Hub, perkhidmatan awam negeri akan bergerak ke arah sistem yang lebih pantas, berasaskan bukti dan mesra rakyat,” ujarinya.

Seiring perkembangan tersebut, katanya, pengukuhan infrastruktur digital dan keselamatan siber

“

Keseluruhan agenda reformasi ini berteraskan prinsip UMI, dengan nilai-nilai Islam sebagai tunjang tadbir urus negeri yang berintegriti, cekap dan berkesan,”

turut diberi keutamaan, termasuk perancangan penubuhan Unit Keselamatan Siber Kerajaan Negeri serta penyelarasan seni bina digital negeri bagi memastikan pelaksanaan teknologi AI dilaksanakan secara selamat, beretika dan berintegriti.

Beliau turut menegaskan komitmen kerajaan negeri terhadap Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) yang diterjemahkan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) dengan kerjasama Malaysia Productivity Corporation (MPC) bagi mempermudah urusan perkhidmatan serta memperkukuh sistem penyampaian kepada rakyat.

“Keseluruhan agenda reformasi ini berteraskan prinsip UMI, dengan nilai-nilai Islam sebagai tunjang tadbir urus negeri yang berintegriti, cekap dan berkesan,” ujarinya.



Kutipan hasil RM880 juta, Kelantan capai 88.22 peratus sasaran tahun 2025



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 8 Januari - Prestasi kewangan Negeri Kelantan mencatat pencapaian memberangsangkan apabila pungutan hasil negeri sehingga 28 Disember 2025 mencecah RM879.79 juta, bersamaan 88.22 peratus daripada anggaran hasil tahunan yang ditetapkan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, pencapaian tersebut mencerminkan tahap kecekapan pentadbiran kewangan negeri serta komitmen berterusan jentera kerajaan dalam memperkukuh asas hasil negeri se-

cara berhemah dan berintegriti.

Sehubungan itu, beliau memaklumkan beberapa strategi utama telah digariskan bagi memperkukuh punca hasil baharu serta meningkatkan keupayaan kewangan negeri, antaranya penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kutipan tunggakan cukai tanah sekurang-kurangnya 80 peratus, manakala kutipan cukai tanah semasa disasarkan pada kadar 100 peratus.

Menurutnya, pungutan hasil tanah yang menjadi nadi utama kelangsungan pentadbiran dan pembangunan negeri perlu diurus secara berkesan, tersusun dan ber-



integriti, memandangkan kecekapan pengurusan hasil merupakan prasyarat penting kepada kejayaan pembangunan sosioekonomi negeri.

"Tanpa pengurusan hasil yang cekap dan beramanah, usaha Kerajaan Negeri untuk menjayakan pembangunan sosioekonomi serta merealisasikan agenda Penghayatan Membangun Bersama Islam tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Justeru, setiap warga pentadbiran tanah memikul amanah besar yang wajib ditunai dengan penuh tanggungjawab dan integriti," tegasnya.

Dalam pada itu, beliau mer-

akamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat-Pejabat Tanah dan Jajahan yang berjaya mencapai sasaran kutipan hasil tanah bagi tahun 2025.

"Sumbangan hasil tanah melebihi RM380 juta sehingga Disember 2025 membuktikan komitmen, disiplin dan semangat kebersamaan yang tinggi dalam kalangan warga pentadbiran. Kejayaan ini bukan sahaja mencerminkan kecekapan pengurusan, malah meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan negeri," katanya ketika menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2026 di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Pentadbiran Kota Darulnaim, hari ini.

Tambahnya, pembangunan Sistem e-Tanah yang akan bermula pada tahun 2026 merupakan satu anjakan besar dalam memendekkan tempoh urusan, meningkatkan ketelusan serta menghapuskan kere-nah birokrasi. Dalam masa yang sama, inisiatif seperti diskaun denda, kaedah bayaran mudah dan perkhidmatan bergerak membuktikan bahawa kerajaan negeri tidak pernah berniat membebankan rakyat.

200 pelajar DUN Panchor terima bantuan awal persekolahan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 6 Januari - Sebanyak 200 pelajar sekolah rendah dan menengah DUN Panchor menerima bantuan awal persekolahan pada majlis penyampaian yang berlangsung di Dewan Tok Ayah Kedah Komtar, Panchor, Pengkalan Chepa, hari ini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Panchor YB Dato' Sri Amar D'Raja Mohd Amar Abdullah berkata, program tersebut melibatkan pelajar daripada pelbagai latar belakang dan bertujuan meringankan beban keluarga, khususnya dalam menghadapi permulaan sesi persekolahan baharu.

"Penyampaian Bantuan Awal Persekolahan Peringkat DUN Panchor melibatkan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah ini menyaksikan 200 orang peneri-



ma," katanya di laman rasmi, hari ini.

Menurutnya, sumbangan yang disalurkan itu merupakan manifestasi keprihatinan berterusan terhadap kebajikan pelajar dan komitmen dalam memperkasa masa depan pendidikan generasi muda di DUN Panchor.

"Sumbangan ini sebagai manifestasi keprihatinan berterusan terhadap kebajikan dan masa depan pendidikan anak-anak DUN Panchor," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menitipkan pesanan agar para pelajar menjadikan bantuan yang diterima sebagai dorongan untuk terus berusaha dan menanam azam mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

"Semoga para pelajar menanam tekad untuk belajar dengan ber-sungguh-sungguh, mengejar kecemerlangan dan berani memasang impian besar," katanya.

Dato' Sri Amar turut menekankan kepentingan ilmu dan pen-



didikan yang kukuh sebagai asas kejayaan, dengan mengambil contoh kejayaan tokoh muda tersohor yang menjadi inspirasi kepada generasi kini.

"Kejayaan perlu disokong dengan ilmu dan pendidikan yang kukuh, sebagaimana kejayaan tokoh muda tersohor seperti Khairul Aming yang berjaya menggabungkan kecemerlangan pelajaran dan kejayaan bisnes hingga menjadi inspirasi kepada generasi muda hari ini," katanya.

Islam tidak larang bergembira selagi patuh syariat – Exco Dakwah

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 7 Januari – Islam tidak melarang umatnya bergembira, bahkan kegembiraan itu dibenarkan selagi mematuhi batas syariat, ujar Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Daud.

Menerusi intisari Kuliah Medan Ilmu, beliau menjelaskan bahawa berdasarkan hadis Qudsi, Rasulullah SAW dibimbing agar tidak meresahkan para sahabat ketika mereka sedang bergembira, sebaliknya kegembiraan perlu dipandu dengan kesedaran terhadap kehidupan akhirat.

“Setelah Nabi SAW menyatakan bahawa mereka pasti akan lebih banyak menangis daripada bergembira apabila mengetahui apa yang telah diketahui baginda SAW, dalam kalangan mereka ada yang tersentuh lalu menangis” katanya, di laman rasmi, pada Jumaat.

Menurutnya, wahyu tersebut menjadi petunjuk bahawa manusia boleh mengecapi nikmat dan sua-

sana kegembiraan di dunia selagi tidak bercanggah dengan hukum Allah SWT.

Tambahnya, Rasulullah SAW turut berpesan supaya umat bergembira dengan cara yang baik.

“Bergembira dengan perbuatan baik yang dilakukan walaupun hanya sedikit (Absyiru). Melaksanakan ibadah dan tugas kebaikan dalam kemampuan yang ada (saddidu). Melakukan setiap kebaikan dengan terbaik, jika tidak mampu, lakukan setakat yang dalam kemampuan asalkan ia dalam perkara mendekatkan diri kepada Allah (qaaribu)” ujarinya.

Dalam pada itu, YB Mohd Asri menegaskan bahawa sambutan tahun baharu tidak menjadi kesalahannya, malah wajar dianjurkan oleh kerajaan dengan pengisian islamik bagi mengekang gejala mungkar pada malam sambutan tersebut.

Katanya, jika sambutan tidak dipandu dengan pendekatan Islam, maka aktiviti batil dan hiburan melampau akan berleluasa sebagaimana yang berlaku di be-



berapa kawasan hiburan besar yang tidak mencerminkan identiti negara umat Islam.

Beliau turut mengajak umat Islam untuk menjadikan kedatangan tahun baharu sebagai masa muhasabah terhadap amalan lalu, memperbanyakkan taubat serta membuka lembaran kehidupan baharu dengan agenda kebaikan.

Selain itu, beliau mengingatkan agar setiap amalan yang dilakukan diusahakan menjadi jariah, termasuk melalui wakaf, supaya pahala berterusan walaupun selepas meninggal dunia.

“Sentiasalah hisab diri, bagaimana saki baki umur dimanfaatkan, apa kebaikan yang telah kita lakukan, bagaimana harta diuruskan serta sejauh mana ilmu diamalkan,” ujarinya.

Menurutnya, pembinaan institusi keluarga yang baik akan melahirkan masyarakat dan negara yang baik.

Sehubungan itu, Kelantan telah memperkukuh agenda keluarga melalui kelulusan RUU Keluarga Islam 2025 yang memberi keizahan kepada pembentukan keluarga dan masyarakat.

Kelantan komited tingkatkan kesedaran saringan awal kanser wanita



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 4 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited membina gelombang kesedaran terhadap kepentingan pengesanan awal kanser, khususnya dalam kalangan wanita di negeri ini.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, usaha itu penting memandangkan wanita merupakan tunjang kesejahteraan

keluarga, pendidik kepada anak-anak serta nadi kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera.

Beliau menegaskan wanita tidak seharusnya berasa malu atau menunggu sehingga mengalami simptom sebelum mendapatkan pemeriksaan kesihatan.

“Jangan malu, jangan tunggu sakit. Pergi buat pemeriksaan. Ikhtiar itu sebahagian daripada tuntutan agama.

“Usaha pencegahan dan sarin-

gan awal adalah langkah paling penting yang perlu kita sama-sama ambil,” katanya menerusi media sosial pada Sabtu.

Menurutnya, pengesanan awal mampu meningkatkan peluang rawatan yang lebih berkesan sekaligus menyelamatkan nyawa, selain mengurangkan beban emosi dan kewangan keluarga.

Beliau turut mendoakan agar Allah SWT mengurniakan kesihatan yang baik serta memelihara para wanita dan keluarga seluruh-

nya.

Terdahulu, Dato' Rohani merasmikan Program Pendidikan Kesihatan Wanita: Saringan Kanser Serviks dan Kanser Payudara yang berlangsung di Klinik Kesihatan Lundang Paku.

Program berkenaan bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran wanita mengenai kepentingan pemeriksaan berkala, di samping menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam menjaga kesihatan diri dan keluarga.



RMQ lahirkan orang baik, **ajak orang jadi baik** – YB Zamakhshari

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 7 Januari – Komuniti Rakan Muda Al-Quran (RMQ) berperanan melahirkan generasi anak muda yang bukan sahaja memperbaiki diri, malah mengajak dan membimbing orang lain ke arah kebaikan berteraskan ajaran Islam dan Al-Quran.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, RMQ lahir daripada satu idea untuk membentuk satu kumpulan rakan sebaya yang cintakan Islam.

“RMQ lahir daripada satu idea untuk menghimpunkan anak muda yang sebaya, satu peer group yang cintakan Islam dan menjadikan Al-Quran sebagai asas kehidupan. Ia menjadi wadah terbuka untuk berdakwah, bergerak bersama dan saling menguatkan,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan pertemuan santai bersama-sama mantan peserta program RMQ di sebuah kafeteria, di Kota Bharu pada Selasa.

Terdahulu, beliau dan beliawanis tersebut telah menyertai program RMQ anjuran Urus Setia Belia



dan Sukan (U-BeS) dan Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) di Masjid Muhammadi Kota Bharu pada 13 Disember lalu.

Menurut YB Zamakhshari lagi, golongan anak muda yang memilih jalan kebaikan tidak seharusnya berhenti pada perbaikan diri semata-mata, sebaliknya perlu berperanan membawa kebaikan kepada orang lain.

“Saya tekankan bahawa orang baik tidak seharusnya berhenti pada kebaikan diri sendiri. Kita mahu lahirkan orang baik yang membaiki orang lain. Di situlah peranan RMQ,” jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa Al-Quran bukan sekadar untuk dibaca, tetapi perlu dizahirkan dan diamalkan dalam kehidupan se-

harian, selari dengan pendekatan RMQ yang bersifat menyeluruh.

“Al-Quran tidak hanya dibaca, tetapi dijemakan dalam kehidupan. RMQ bersifat merentasi pelbagai minat dan latar, namun terasnya tetap Al-Quran. Setiap langkah, aktiviti dan pemikiran kembali kepada nilai Al-Quran,” tegasnya.

Tambahnya, pendekatan RMQ bukan sahaja membawa anak muda mendekati Al-Quran, malah membawa Al-Quran masuk ke dalam kehidupan anak muda itu sendiri.

“Kita bukan hanya membawa anak muda mendekati Al-Quran. Tetapi kita membawa Al-Quran masuk ke dalam kehidupan anak muda,” ujarnya.

Dalam masa yang sama, YB Zamakhshari menyatakan hasrat

RMQ adalah untuk menghimpunkan sejumlah anak muda terpilih dan menampilkan kepada masyarakat gambaran sebenar generasi muda Kelantan.

“Hasratnya adalah untuk menghimpunkan seramai mungkin anak muda dan menzahirkan kepada masyarakat bahawa inilah wajah anak muda Kelantan. Anak muda yang cintakan Al-Quran dan menjadikannya panduan hidup,” ujamnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa pertemuan santai bersama komuniti RMQ pada malam tersebut telah membuka ruang kepada beberapa cadangan serta perbincangan program yang bakal dilaksanakan untuk anak muda Kelantan di bawah RMQ.

Sisa nanas jadi medium bongkah cendawan, **jimat kos dan lestari**



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 6 Januari – Penghasilan bongkah cendawan berasaskan sisa nanas diperkenalkan sebagai inisiatif inovatif berteraskan konsep pertanian lestari dan ekonomi kitaran, dengan memanfaatkan sisa nanas sebagai medium tanaman cendawan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato’

Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, antara sisa nanas yang boleh digunakan ialah daun, empulur, hampas dan batang nanas bagi menggantikan penggunaan habuk kayu dalam penghasilan bongkah cendawan.

Beliau berkata, kaedah berkenaan bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan kepada habuk kayu, malah berupaya men-

gurkan kos untuk pengeluaran bongkah cendawan.

“Ia juga mengoptimalkan penggunaan sisa pertanian melalui proses rawatan dan pemerayaan nutrien bagi menyokong pertumbuhan miselium cendawan,” katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Terdahulu, beliau merasmikan Kursus Penghasilan Bongkah Cendawan Berasaskan Media Sisa Nanas di Kompleks Cendawan

Kokulac, Pasir Puteh yang melibatkan sebanyak 40 peserta.

Mohd Saripudin berharap peserta kursus berkenaan mampu mentransformasikan sisa nanas daripada bahan buangan kepada sumber ekonomi baharu yang berpotensi menjana pendapatan.

“Inisiatif ini sekali gus membuka peluang keusahawanan serta memperkukuh ekonomi komuniti setempat, khususnya dalam kalangan belia,” jelasnya.



TMM2026: Kelantan-Sabah Tourism Board jalin langkah strategik pelancongan dua hala

Oleh: Fathi Arifin

KOTA KINABALU, 6 Januari — Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor mengadakan lawatan rasmi ke Sabah Tourism Board (STB) sebagai langkah strategik memperkukuh kerjasama pelancongan antara dua negeri, khususnya menjelang kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026).

Menurut Datuk Kamarudin, lawatan tersebut bertujuan menjalankan kajian penanda aras berhubung model penubuhan dan pengurusan badan berkanun pelancongan negeri yang telah dilaksanakan di Sabah, di samping membuka ruang perbincangan dua hala berkaitan tadbir urus pelancongan, strategi pemasaran serta pengurusan destinasi.

“Delegasi Kelantan disambut mesra oleh Pengurus Pemasaran STB Bobby Alex serta Pengu-
rus Kanan Perkhidmatan Korporat STB Susan Chan yang turut menyampaikan taklimat dan penerangan menyeluruh mengenai hala tuju, strategi promosi serta kekuatan ekosistem pelancongan Sabah di peringkat domestik dan antarabangsa.

“Pemain industri pelancongan Kelantan pun aktif berinteraksi untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelancong dari Sabah,” katanya yang berpuas hati dengan



impak lawatan.

“Lawatan ini dilihat sebagai langkah signifikan dalam usaha Kerajaan Negeri Kelantan memperkasa sektor pelancongan secara lebih tersusun, mampan dan berdaya saing, selari dengan aspirasi pembangunan negeri serta persiapan rapi menghadapi peluang dan cabaran industri pelancongan nasional pada masa hadapan,” ulasnya.

Sementara itu, Bobby Alex menekankan kepentingan pendekatan pemasaran bersepadu yang melibatkan kerajaan, industri dan komuniti setempat bagi memastikan pengalaman pelancongan yang tulen, mampan dan bernilai tinggi kepada pelawat. Beliau turut berkongsi pengalaman STB dalam membina jenama destinasi Sabah yang berdaya saing melalui penceritaan budaya, alam semula jadi

serta penglibatan aktif pemain industri.

Manakala Susan Chan pula menerangkan aspek pengurusan korporat dan tadbir urus STB, termasuk peranan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, pihak swasta dan persatuan pelancongan dalam memastikan pelaksanaan dasar serta inisiatif promosi dapat berjalan secara tersusun dan berkesan.

Pada sesi perbincangan, wakil Malaysian Inbound Tourism Association (MITA) Pantai Timur Mimi Rodiah Abdul Rahman mencadangkan agar pihak pelancongan Sabah dapat memberikan penerangan yang lebih jelas kepada pelancong dari Sabah untuk berkunjung ke Kelantan melalui saluran yang betul, khususnya agensi pelancongan berlesen.

“Pendekatan tersebut penting

“

Lawatan ini dilihat sebagai langkah signifikan dalam usaha Kerajaan Negeri Kelantan memperkasa sektor pelancongan secara lebih tersusun, mampan dan berdaya saing, selari dengan aspirasi pembangunan negeri serta persiapan rapi menghadapi peluang dan cabaran industri pelancongan nasional pada masa hadapan,”

supaya pelancong dapat menikmati sepenuhnya tawaran yang dipromosikan seperti aktiviti melukis batik, permainan gasing, wayang kulit serta penglibatan dalam kehidupan tradisi masyarakat kampung di Kelantan.

“Jika pelancong datang secara DIY, potensi untuk mereka menyaksikan dan menyertai kegiatan tradisional warga Kelantan adalah agak tipis,” kata Mimi Rodiah.

Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah Timbalan Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Zamri Mat Nawang, Pengarah Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) Mohd Azwan Ab Rahman, Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan Wan Illy Liana Wan Mat dan Setiausaha Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan Azman Md Dahan.



Perancangan jalan raya selari RT dan RSN, pacu ekonomi negeri - Dato' Dr Izani



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kelantan memberi penekanan berterusan terhadap penelitian dan penyelarasan perancangan laluan utama agar selari dengan Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Struktur Negeri (RSN), sebagai teras pengukuhan sistem jalan raya yang berfungsi memacu pertumbuhan ekonomi negeri.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar, YB Dato' Dr Izani Husin memaklum-

kan bahawa sistem rangkaian jalan raya di Kelantan terus menjadi keutamaan kerajaan negeri sebagai pemangkin utama pembangunan sosioekonomi, sejajar dengan kedudukan strategik Kelantan sebagai pintu masuk darat Malaysia-Thailand di Pantai Timur serta pintu masuk udara wilayah Pantai Timur melalui Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP).

Jelasnya, perancangan laluan utama negeri sentiasa diteliti secara menyeluruh bersama JKR Negeri Kelantan bagi memastikan keserasian dengan RT dan RSN, sekali gus menjamin pembangunan infrastruktur yang terancang dan mampan.

Menurutnya, dalam Rolling Plan 1 (RP1) Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), laluan penghubung Kota Bharu-Rantau Panjang yang menghubungkan Kelantan dengan Thailand telah dikenal pasti sebagai antara projek tumpuan utama.

“Bagi Rolling Plan 2 (RP2)

RMK13 pula, JKR Negeri Kelantan memfokuskan permohonan kepada jalan-jalan penghubung ke LTSIP yang bakal beroperasi sepenuhnya, bagi meningkatkan aksesibiliti rakyat, pelancong serta pemain industri ke dan dari Kelantan,” hurainya menerusi media sosial, pada Selasa.

Beliau turut meneliti sesi pembentangan RMK13 yang melibatkan senarai permohonan projek Rolling Plan 2 berkaitan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta portfolio di bawahnya, dengan keutamaan diberikan kepada projek jalan raya dan bekalan air

terawat.

Menurutnya, projek-projek berkenaan penting bagi memenuhi keperluan rakyat serta menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negeri secara menyeluruh.

Dalam perkembangan yang sama, Dato' Dr Izani merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas kelulusan beberapa projek yang tersenarai dalam senarai keutamaan Negeri Kelantan, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan terhadap pembangunan infrastruktur di negeri itu.



Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan 2026 lebih fleksibel bantu rakyat miliki rumah



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 5 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) 2026 yang lebih fleksibel bagi menangani peningkatan kos pembinaan dan cabaran pembiayaan perumahan, sekali gus memperluaskan peluang rakyat memiliki kediaman sendiri.

Dasar berkenaan berjaya disiapkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan Bilangan 3/2025 sebelum diper-

setujui untuk diterima pakai melalui persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 27/2025.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, penggubalan dasar baharu itu dibuat berikutan kenaikan mendadak kos bahan binaan, upah buruh serta harga hartanah, selain penilaian pembiayaan yang semakin ketat oleh pihak bank dan institusi kewangan.

“Situasi semasa ini menuntut satu pendekatan dasar yang lebih anjal dan realistik agar lebih ban-

yak rumah mampu milik dapat dibina dan ditawarkan kepada pembeli tanpa membebankan mereka,” katanya menerusi media sosial pada Khamis.

Menurutnya, Dasar RMMK 2026 yang akan berkuat kuasa mulai tahun ini memberi penekanan kepada pembinaan dan penawaran rumah mampu milik melalui dua kaedah utama iaitu jualan terus dan skim sewa milik (rent to own).

“Langkah ini bertujuan memastikan setiap keluarga, khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana, berpeluang memiliki rumah kediaman dengan harga

yang berpatutan,” katanya.

Kata YB Hilmi lagi, satu perbincangan telah diadakan bersama Pengarah Bahagian Perumahan Negeri Kelantan Nik Azhar Nik Abdul Aziz bagi menetapkan tarikh yang sesuai untuk pelancaran rasmi Dasar RMMK 2026 oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud.

Untuk rekod, Dasar Rumah Mampu Milik Kelantan mula diperkenalkan pada tahun 2015 dan telah melalui satu pindaan pada tahun 2020 bagi menyesuaikan keperluan semasa.



Agenda kesihatan awam 2026, Kelantan fokus NCD dan penyakit berjangkit - YB Hilmi

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 6 Jan – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memperkukuh agenda kesihatan awam negeri selaras dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat serta Kelantan Sihat 2030, dengan memberi penekanan kepada pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD) dan pengawalan penyakit berjangkit.

Sehubungan itu, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah memaklumkan bahawa antara fokus utama program Portfolio Kesihatan bagi suku pertama tahun 2026 ialah memperkasakan inisiatif pencegahan NCD, khususnya melalui pelaksanaan Inisiatif Kelantan Bebas Asap Rokok (IKBAR).

Menurutnya, usaha itu dipergiatkan berikutan Kelantan telah dicalonkan bagi Asean Smoke Free Award (ASA) 2026, sekali gus memerlukan kerjasama menyeluruh pelbagai pihak.

“Kerjasama erat antara penguat kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) dalam pelaksanaan bersama Akta Kawalan



Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) amat diharapkan.

“Selain itu, sokongan badan bukan kerajaan (NGO) negeri juga diperlukan dalam mempromosikan kesihatan mental kepada masyarakat awam,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Tambahnya, bagi pengawalan penyakit berjangkit pula, tumpuan diberikan kepada kempen kesedaran untuk mengurangkan kes demam kepialu dan leptospirosis, seiring usaha PBT menarik lebih ramai pelancong ke lokasi pelancongan yang telah dinaik taraf.

“PBT akan digerakkan untuk meningkatkan pemantauan kebersihan premis, keselamatan serta

kualiti makanan dalam kalangan pengusaha makanan dan minuman (F&B).

“Pengusaha juga digalakkan mendapatkan sijil Premis Bersih, Tandas Bersih dan Menawan (TMC), Home Based Food (HBF) serta pensijilan halal,” jelasnya.

Mengulas lanjut, YB Hilmi berkata antara kempen lain yang dirancang ialah memperkasakan perkhidmatan kesihatan khususnya bagi warga emas, termasuk meningkatkan kemudahan akses ke fasiliti kesihatan.

“Insya Allah, program kempen kesedaran gaya hidup sihat akan diteruskan secara berterusan sehingga berjaya melahirkan rakyat Kelantan yang sihat dan sejahtera,”



katanya.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan hormat Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Dato’ Dr Mohd Azman Yaacob yang menggantikan Dato’ Dr Zaini Husin yang bersara wajib.

Sempena kunjungan itu, Dato’ Dr Mohd Azman membentangkan laporan program dan perkhidmatan kesihatan semasa negeri Kelantan bagi makluman serta tindakan bersama kerajaan negeri dan seluruh PBT.

Matlamatnya ialah ke arah merealisasikan agenda melahirkan rakyat Kelantan yang sihat dan sejahtera selaras dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat dan Kelantan Sihat 2030.

MAIK zahir penghargaan kepada pembayar zakat dan pewakaf

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 4 Januari - Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran dan penghargaan serta jutaan terima kasih kepada semua pembayar zakat dan pewakaf yang telah menunaikan amanah dengan penuh keikhlasan dan rasa tanggungjawab.

MAIK menjelaskan, bahawa setiap sumbangan yang disalurkan bukan sekadar berbentuk kewangan, sebaliknya menjadi sumber harapan kepada golongan yang diuji, pengubat kesedihan insan memerlukan serta sinar baharu kepada keluarga yang sedang berjuang meneruskan kelangsungan hidup.

“Daripada tangan-tangan yang memberi inilah lahirnya senyuman,



doa dan kekuatan untuk mereka bangkit menghadapi kehidupan. Sumbangan zakat dan wakaf yang diterima telah memberi impak besar dalam usaha membantu asnaf dan memperkukuhkan kesejahteraan

masyarakat,” jelas kenyataan rasmi MAIK menerusi media sosial pada Khamis

MAIK turut menegaskan bahawa zakat dan wakaf yang ditunaikan menjadi asbab kebaikan

berpanjangan, bukan sahaja menghubungkan hati antara pemberi dan penerima, malah menyemai nilai ihsan, kebersamaan dan kepedulian sosial dalam masyarakat.

Sehubungan itu, MAIK menyoal agar semua pembayar zakat dan pewakaf dikurniakan keberkatan yang berterusan, diluaskan rezeki yang halal lagi diberkati serta dibalas dengan ganjaran berlipat ganda di dunia dan akhirat.

Penghargaan tersebut disampaikan oleh pengurusan dan seluruh warga kerja MAIK sebagai tanda terima kasih atas kepercayaan dan sokongan berterusan daripada masyarakat.

Untuk rekod, bagi tempoh Januari hingga Jun 2025, MAIK telah mengagihkan sebanyak RM174.5 juta berbanding RM131.5 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 2024.


Kelantan proaktif redakan tekanan kos sara hidup rakyat, bantuan awal persekolahan diagih melalui PKD

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 7 Januari - Menjelang pembukaan sesi persekolahan tahun 2026 Kerajaan Negeri Kelantan tampil dengan langkah proaktif meredakan tekanan kos sara hidup apabila menyalurkan bantuan awal persekolahan secara menyeluruh di semua Pusat Khidmat Dewan Negeri (PKD).

Tindakan tersebut sekali gus memastikan anak-anak daripada keluarga kurang berkemampuan memulakan tahun akademik baharu dengan lebih yakin dan terjamin.

Sehubungan itu, Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud berkata, keprihatinan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap kebajikan rakyat dizahirkan menerusi pelaksanaan bantuan awal persekolahan bagi membantu keluarga kurang berkemampuan membuat persiapan menghadapi



sesi persekolahan 2026 yang bermula minggu hadapan.

‘Inisiatif tersebut dilaksanakan secara menyeluruh di semua 45 buah PKD di Kelantan. Agihan tersebut melibatkan murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah daripada latar belakang keluarga yang memerlukan,’ katanya.

Menurutnya lagi, bantuan berkenaan dapat meringankan beban kewangan ibu bapa dan berperanan sebagai suntikan motivasi kepada anak-anak untuk memulakan sesi

pembelajaran dalam suasana lebih selesa dan berkeyakinan.

“Insyallah, usaha ini diharapkan dapat membantu keperluan asas persekolahan di samping memberi dorongan kepada anak-anak untuk melangkah ke alam persekolahan baharu dengan semangat yang tinggi,” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Terdahulu, beliau menyempurkan Majlis Penyampaian Bantuan Awal Persekolahan peringkat Dewan Negeri Meranti di Madra-



sah Nasrullah Pohon Buluh, Pasir Mas.

Pada majlis berkenaan, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Yayasan Kelantan Darulnaim serta warga PKD yang bertungkus-lumus menjayakan program tersebut.

“Semoga segala usaha ini diberkati Allah SWT dan menjadi saham kebaikan demi masa depan anak-anak serta kesejahteraan rakyat Kelantan,” katanya.

Khitan Perdana DUN Temangan himpun 130 peserta



Oleh: Syamimi Manah

MACHANG, 4 Januari – Suasana penuh ceria dan menyentuh hati mewarnai Program Khitan Perdana DUN Temangan apabila gelagat kanak-kanak yang pelbagai ragam, ada yang tersenyum berani, ada yang menggenggam erat tangan ibu dan ada juga yang cuba menenangkan diri, menghiasi majlis yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Temangan pada 1 Januari.

Program berkenaan menghimpunkan seramai 130 peserta, hasil tajaan sepenuhnya oleh Pusat Khidmat Ahli Dewan Negeri (ADN)

Temangan.

Timbalan Menteri Besar Kelantan yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, keberanian dan semangat yang ditunjukkan oleh para peserta amat mengagumkan meskipun masing-masing berdepan perasaan gemetar.

“Bukan senang nak lihat senyuman penuh keberanian macam ini. Ada yang berdebar sampai jantung berdegup laju, ada yang terkekeh menahan rasa gugup, ada yang cuba nampak santai padahal dalam

hati kecil masih gemuruh,” katanya di laman rasmi pada Khamis.

Menurutnya, pelbagai gelagat mencuit hati itu mencerminkan keikhlasan dan keazaman anak-anak dalam menunaikan sunnah Rasulullah SAW sejak usia muda.

“Ada yang pegang tangan ibu, ada yang tersengih-sengih macam hero. Itulah adik-adik semua, hebat menunaikan sunnah Rasulullah dalam majlis khitan perdana hari ini, dengan semangat dan keberanian yang mengagumkan,” ujarnya.

Beliau turut memaklumkan ba-

hawa keseluruhan kos program Khitan Perdana DUN Temangan itu ditaja sepenuhnya oleh Pusat Khidmat ADN Temangan sebagai sebahagian usaha kebajikan dan keprihatinan terhadap masyarakat setempat.

“Alhamdulillah seramai 130 peserta telah ditaja sepenuhnya oleh Pusat Khidmat ADN Temangan dan syukur majlis berjalan lancar serta penuh keberkatan Allah,” katanya.

Dalam pada itu, Dato' Dr Mohamed Fadzli turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran program berkenaan.

“Tahniah kepada semua pihak yang terlibat, termasuk penghulu, pasukan perubatan, bomba, muslimat, pemuda dan semua yang menyokong secara langsung atau tidak langsung. Usaha semua menjayakan majlis ini dengan sempurna,” katanya.

Kelantan setuju Perintah Khidmat Masyarakat untuk pesalah buang sampah



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 4 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan secara dasar telah bersetuju dengan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat sebagai hukuman tambahan kepada denda sedia ada bagi kesalahan membuang sampah merata-rata atau dari kenderaan yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata

pelaksanaan tersebut adalah selaras dengan pindaan di bawah Seksyen 73(1)(a)(ii) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) serta Undang-Undang Kecil Pihak Berkuas Tempatan (PBT).

Menurutnya, melalui pindaan berkenaan, mana-mana individu yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan Perintah Khidmat Masyarakat sehingga 12 jam dalam tempoh enam bulan dari tarikh sabitan, selain hukuman denda yang telah ditetapkan.

“Perintah Khidmat Masyarakat ini merangkumi aktiviti berkaitan kebersihan antaranya mengutip sisa pepejal, mencuci kawasan awam, memotong rumput serta membersihkan sarang labah-labah.

“Penjadualan dan pengawasan pelaksanaan pula akan ditentukan oleh pegawai yang diberi kuasa mengikut perintah mahkamah,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi beliau, pada Khamis lalu.

Tambah YB Hilmi, mana-ma-

na pesalah yang enggan, melawan, gagal mematuhi atau melarikan diri daripada menjalani Perintah Khidmat Masyarakat merupakan satu kesalahan berasingan di bawah peruntukan undang-undang yang telah dipinda dan boleh dikenakan tindakan lanjut.

Beliau menjelaskan, pelaksanaan perintah itu bukan sekadar bertujuan menghukum, sebaliknya sebagai pendekatan mendidik bagi menanam kesedaran, tanggungjawab serta rasa hormat terhadap kebersihan alam sekitar dalam kalangan masyarakat.

“Hal ini juga sebagai penghar-

gaan kepada majoriti rakyat yang sentiasa menjaga kebersihan, dengan mengenakan tindakan tegas kepada segelintir pihak yang masih degil dan gagal mematuhi peraturan dalam menjaga kebersihan,” jelasnya.

Dalam pada itu, YB Hilmi turut menzahirkan harapan agar pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat ini menjadi titik perubahan kepada sikap masyarakat terhadap isu kebersihan.

“Semoga Tahun Baharu 2026 ini dapat melahirkan rakyat Kelantan yang cintakan kebersihan,” ujarnya.



Pembakaran sampah dalam tong awam, MDM ambil tindakan tegas



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 5 Januari – Majlis Daerah Machang (MDM) memandang serius perbuatan pembakaran sampah yang dilakukan di dalam serta di sekitar tong sampah milik majlis, sebagaimana yang tular menerusi gambar di media sosial.

Menurut kenyataan yang dimuat naik di laman rasmi MDM semalam, perbuatan tersebut jelas mencerminkan sikap tidak bertanggungjawab segelintir pihak yang menyalahgunakan kemuda-

han awam yang disediakan khusus bagi tujuan pelupusan sampah secara berhemah dan terkawal.

MDM memaklumkan, pembakaran sampah di dalam tong sampah awam bukan sahaja menyebabkan kerosakan harta benda awam, malah berpotensi mengakibatkan kebakaran merebak, pencemaran udara serta gangguan kesihatan kepada penduduk setempat.

Keadaan itu turut menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya selain mengganggu kelancaran operasi kutipan sampah apabila

tong sampah yang rosak tidak lagi dapat digunakan mengikut fungsi asalnya.

Susulan kejadian tersebut, Yang Dipertua Majlis Daerah Machang Mohd Zamri Ibrahim bersama pihak pengurusan telah turun padang ke lokasi kejadian bagi meninjau keadaan sebenar serta mendapatkan maklumat lanjut berkaitan insiden berkenaan.

Menurut kenyataan itu lagi, perbuatan membakar sampah di dalam tong sampah milik MDM merupakan satu kesalahan serius di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976

serta Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Machang) 1998 yang sedang berkuat kuasa.

Sehubungan itu, MDM menegaskan tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas termasuk pengeluaran kompaun serta pendakwaan terhadap mana-mana individu yang didapati bersalah.

Dalam pada itu, orang ramai diseru agar menggunakan kemudahan tong sampah dengan cara yang betul dan bertanggungjawab serta menghentikan sepenuhnya amalan pembakaran terbuka.



112 anak yatim DUN Wakaf Bharu terima sumbangan zakat

Oleh: Syamimi Manah

WAKAF BHARU, 5 Januari – Sebanyak 112 anak yatim dalam Dewan Negeri (DUN) Wakaf Bharu menerima sumbangan zakat menerusi satu majlis penyampaian yang berlangsung pagi ini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah berkata, program berkenaan merupakan inisiatif kebajikan bagi membantu meringankan beban serta menyantuni golongan anak yatim di kawasan tersebut.

“Alhamdulillah, pagi ini berlangsung majlis penyampaian sumbangan zakat kepada 112 orang anak yatim dalam DUN Wakaf Bharu,” katanya menerusi ken-



yataan di laman rasmi, hari ini.

Menurutnya, zakat tersebut adalah sumbangan daripada Pengarah Urusan SK Frozen & Trading SDN BHD merangkap pemilik New Cottage Restaurant and Hall dan Restoran Cili Hijau.

“Bagi pihak DUN Wakaf Bha-

ru, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Khairil Anwar bin Ismail bersama isteri, Puan Hajah Masturah binti Abd Rahman atas keikhlasan dan kemurahan hati menyampaikan zakat kepada anak-anak yatim ini,” ujarnya.



YB Mohd Rusli turut mendoakan agar segala kebaikan dan sumbangan yang diberikan menjadi asbab keberkatan, dilimpahkan rezeki yang berpanjangan, kejayaan berterusan dalam perniagaan serta sentiasa berada dalam rahmat dan keberkatan Allah SWT.

180 pelajar parlimen Machang terima sumbangan Kembali ke Sekolah

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 6 Januari – Sebanyak 180 pelajar daripada golongan asnaf di Parlimen Machang menerima sumbangan menerusi Program Kembali ke Sekolah yang disampaikan oleh Ahli Parlimen Machang YB Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal, pada Sabtu lalu.

Menurut YB Wan Ahmad Fayhsal, program tersebut merupakan usaha berterusan bagi memastikan kebajikan anak-anak asnaf terus terbela, khususnya dalam aspek keperluan persekolahan.

“Alhamdulillah, saya berkesempatan menyampaikan bantuan Back To School kepada golongan asnaf di Parlimen Machang.

“180 penerima telah menerima sumbangan pada tahun ini bagi meringankan beban keluarga menjelang sesi persekolahan,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi, semalam.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor dan ADN Pulau Chondog YB Azhar Salleh (ADN Pulau Chondong), serta pi-



hak Majlis Tindakan DUN bagi ketiga-tiga DUN yang terlibat atas kerjasama erat menjayakan program tersebut.

“Tidak dilupakan juga ke-

pada semua penghulu Parlimen Machang yang sentiasa membantu melancarkan urusan di peringkat akar umbi,” ujarnya.

Dalam masa sama, beliau

menzahirkan penghargaan kepada Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) atas sumbangan dan keprihatinan yang diberikan demi kebajikan anak-anak Machang.



Pembakaran sampah dalam tong awam, MDM ambil tindakan tegas

MB Kelantan lancar tiga naskhah penting sempena Amanat Tahun Baharu 2026

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 8 Januari – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud melancarkan tiga naskhah penting sebagai inisiatif strategik Kerajaan Negeri Kelantan sempena Amanat Tahun Baharu 2026 dan Perhimpunan Penjawat Awam Negeri Kelantan, di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kota Darulnaim, hari ini.

Pelancaran tersebut melibatkan Dasar Penerangan Negeri Kelantan (DPNK) dan Portal Info Rakyat Kelantan, Modul Smart Itqan serta Mushaf Darul Naim, yang masing-masing mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memperkukuh sistem penerangan, pembangunan nilai insan dan penghayatan al-Quran dalam pentadbiran serta kehidupan masyarakat.

Dalam amanatnya, Menteri Besar menegaskan peranan strategik jentera penerangan kerajaan sebagai medium utama penyampaian maklumat yang tepat, berwibawa dan berintegriti kepada rakyat.

"Jentera penerangan mesti menjadi suara kerajaan yang berwibawa, menyampaikan dasar dan pencapaian secara jujur, tersusun dan berintegriti agar rakyat benar-benar memahami usaha dan kejayaan



yang sedang dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan DPNK bersama Portal Info Rakyat Kelantan diharap dapat memperkukuh ekosistem komunikasi kerajaan negeri serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap maklumat rasmi yang disampaikan.

DPNK diterbitkan sebagai dokumen dasar yang menjadi panduan dan rujukan utama kepada semua jabatan, agensi serta warga pentadbiran negeri dalam merangka strategi penerangan yang berkesan, patuh syariah dan selari dengan keperluan semasa, berteraskan prinsip benar, jelas dan beretika.

Seiring dengan itu, Portal Info Rakyat Kelantan dibangunkan sebagai platform sehenti yang

memaparkan maklumat semasa kerajaan negeri, termasuk pelbagai inisiatif kebajikan dan perkhidmatan daripada lebih 50 jabatan, agensi serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di peringkat negeri dan Persekutuan.

Turut dilancarkan ialah Modul Smart Itqan, sebuah modul bimbingan psikologi berasaskan pendekatan pemikiran Imam Al-Ghazali yang dibangunkan oleh Institut Latihan Darul Naim (IL-DAN) dengan kerjasama kumpulan penyelidik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), serta sokongan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Selain itu, Mushaf Darul Naim terbitan Yayasan Islam Kelantan

“Jentera penerangan mesti menjadi suara kerajaan yang berwibawa, menyampaikan dasar dan pencapaian secara jujur, tersusun dan berintegriti agar rakyat benar-benar memahami usaha dan kejayaan yang sedang dilaksanakan,”

juga diperkenalkan sebagai mushaf pertama yang menampilkan terjemahan jawi per kata dengan ejaan terkini, bagi memudahkan pembaca memahami makna al-Quran dengan lebih jelas. Mushaf ini disusun mengikut Rasm Uthmani, riwayat Hafs 'an 'Asim, serta telah mendapat pengesahan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Pelancaran Mushaf Darul Naim turut melambangkan iltizam Kerajaan Negeri Kelantan dalam memartabatkan al-Quran, memperkasa tulisan jawi dan memelihara warisan keilmuan Islam sebagai asas pembinaan masyarakat berilmu dan berakhlak untuk generasi masa kini dan akan datang.

